



## Individu Pemastautin Yang TIDAK Menjalankan Perniagaan

### SISTEM TAKSIR SENDIRI

### BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

TAMBAHAN / PINDAAN		
Ruang	Perkara	Muka Surat
A7	Layak menuntut insentif di bawah seksyen 127	2
B5	Derma / hadiah / sumbangan yang diluluskan - Hadiah wang kepada tabung yang diluluskan - Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan Pelepasan baharu: F8, F9 & F10	7
F8	Gaya hidup	13
F9	Pembelian peralatan penyusuan ibu untuk kegunaan sendiri bagi anak berumur 2 tahun dan ke bawah	13
F10	Yuran penghantaran anak berumur 6 tahun dan ke bawah ke pusat asuhan kanak-kanak / prasekolah yang berdaftar	14
F11	Tabungan bersih dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional – Pelepasan ini dilanjutkan sehingga tahun taksiran 2020	15
F12	Pelepasan suami / isteri – TIDAK dibenarkan jika suami / isteri (bukan orang kurang upaya) menerima pendapatan kasar melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia	15

Nota ini disediakan bagi membantu individu yang **bermastautin di Malaysia** mengikut peruntukan seksyen 7 Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) atau **dianggap bermastautin** di bawah subseksyen 7(1B) Akta yang sama, untuk melengkapkan Borang BE bagi Tahun Taksiran 2017. Sila baca nota ini dengan teliti supaya pengisian dan pengisytiharan semua punca pendapatan bagi Tahun Taksiran 2017 adalah benar, lengkap dan betul.

Bagi individu berkahwin yang memilih taksiran bersama, sama ada atas nama suami atau isteri dan mempunyai jumlah pendapatan yang disatukan, kedua-dua suami isteri perlu mengisi secara berasingan sama ada:

- (a) Borang B (individu yang menjalankan perniagaan); atau
- (b) Borang BT \* (pekerja berpengetahuan atau pekerja berkepakaran yang telah diluluskan oleh Menteri); atau
- (c) Borang BE (individu yang tidak menjalankan perniagaan).

\* Untuk keterangan lanjut, sila rujuk P.U (A) 344/2010 berkaitan pekerja berpengetahuan dan P.U.(A) 151/2012 berkaitan Program Kepulangan Pakar di Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

Semua rekod, helaian kerja dan dokumen tidak perlu disertakan semasa pengemukaan Borang BE KECUALI bagi kes pembayaran balik, yang mana helaian kerja berikut perlu dikemukakan:-

- (i) Helaian Kerja HK-6 mengenai tolakan cukai di bawah seksyen 110 (lain-lain); dan
- (ii) Helaian Kerja HK-8 / HK-9 (jika berkenaan) berhubung dengan potongan cukai yang telah dibuat di negara asing.

Rekod, dokumen dan helaian kerja yang digunakan dalam pengiraan hendaklah disimpan selama tujuh (7) tahun bermula daripada akhir tahun dalam mana borang nyata tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, untuk rujukan dan semakan sekiranya diperlukan kelak.

Sila isi semua ruangan yang berkaitan dengan **HURUF BESAR** dan gunakan pen mata bulat berdakwat **hitam**. Biarkan kosong sekiranya ruangan yang disediakan adalah tidak berkenaan.

<b>MAKLUMAT ASAS</b>		
1 - 4	Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Untuk ruangan 'No. Cukai Pendapatan', isikan <b>SG</b> atau <b>OG</b> dan diikuti dengan no. cukai pendapatan. Contoh: No. Cukai Pendapatan SG 10234567080	
No. Cukai Pendapatan	<b>SG 10234567080</b>	
5	<b>NO. PASPORT DIDAFTAR DENGAN LHDNM</b>	Isikan no. pasport terakhir yang telah didaftarkan dengan LHDNM sebelum bertukar kepada pasport semasa.
<b>BAHAGIAN A</b>		<b>MAKLUMAT INDIVIDU</b>
A1	<b>WARGANEGARA</b>	Isi 'MY' bagi warganegara Malaysia. Sekiranya bukan warganegara Malaysia, sila rujuk kod negara yang disediakan di muka surat 19 nota penerangan ini atau Lampiran E.
A2	<b>JANTINA</b>	Isikan '1' untuk lelaki atau '2' untuk perempuan.
A3	<b>TARIKH LAHIR</b>	Isikan tarikh lahir mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.

A4	STATUS PADA 31-12-2017	Isikan '1' untuk bujang; '2' untuk kahwin; '3' untuk janda / duda; '4' untuk mati.
A5	TARIKH KAHWIN / CERAI / MATI	Jika perkahwinan / perpisahan mengikut undang-undang atau kematian berlaku dalam tahun semasa, isikan tarikh mengikut turutan: hari, bulan dan tahun.
A6	JENIS TAKSIRAN	<p>Isikan:</p> <p>(i) '1' jika isteri memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama suami. Isteri tidak perlu mengisi ruang B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(ii) '2' jika suami memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas nama isteri. Suami tidak perlu mengisi ruang B7 hingga B19 dan Bahagian F Borang BE; atau</p> <p>(iii) '3' jika memilih taksiran berasingan; atau</p> <p>(iv) '4' jika suami / isteri tiada pendapatan atau tiada punca pendapatan atau pendapatan dikecualikan cukai; atau</p> <p>(v) '5' jika status individu adalah bujang / janda / duda / simati.</p> <p><b>Nota:-</b> Syarat-syarat untuk taksiran bersama:</p> <p>(i) Suami dan isteri tinggal bersama dalam tahun asas dan tidak berhenti tinggal bersama dalam tahun asas tersebut;</p> <p>(ii) Mempunyai jumlah pendapatan untuk diagregatkan dengan jumlah pendapatan suami / isteri;</p> <p>(iii) Suami / isteri yang memilih taksiran bersama mesti warganegara Malaysia jika tidak bermastautin;</p> <p>(iv) Pengagregatan hanya boleh dibuat dengan seorang isteri sahaja.</p>
A7	LAYAK MENUNTUT INSENTIF DI BAWAH SEKSYEN 127	<p>Merujuk kepada insentif (contohnya pengecualian) di bawah peruntukan perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP 1967 yang layak dituntut mengikut warta Kerajaan atau surat kelulusan Menteri.</p> <p>(i) Tandakan 'X' dalam petak bagi jenis / jenis-jenis insentif yang:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• layak dinikmati dan tuntutan dibuat bagi tahun semasa; atau</li> <li>• layak dinikmati tetapi tuntutan tidak dapat dibuat bagi tahun semasa atas sebab seperti ketiadaan pendapatan.</li> </ul> <p>(ii) Tandakan 'X' dalam petak 'Tidak berkenaan' sekiranya:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• tidak layak menuntut insentif; atau</li> <li>• permohonan insentif tidak diluluskan oleh Menteri.</li> </ul> <p>Warta Kerajaan / surat kelulusan Menteri hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.</p>

<b>BAHAGIAN B</b>	<b>PENDAPATAN BERKANUN, JUMLAH PENDAPATAN, CUKAI KENA DIBAYAR DAN KEDUDUKAN CUKAI</b>
-------------------	---

B1	<b>PENDAPATAN BERKANUN PENGGAJIAN</b>
----	---------------------------------------

Gaji, bonus, yuran pengarah, komisen dan apa-apa perkuisit [seperti skim opsyen saham (Ketetapan Umum No. 11/2012), premium insurans / yuran sekolah dan tuisyen yang dibayar oleh majikan] hendaklah dilaporkan. Perbelanjaan keraian dan perjalanan adalah potongan yang dibenarkan dengan syarat perbelanjaan dilakukan dalam menghasilkan pendapatan penggajian dan dalam menjalankan tugas rasmi. Tuntutan perbelanjaan keraian dihadkan kepada jumlah elaun keraian yang dimasukkan sebagai pendapatan kasar daripada penggajian. Sekiranya perbelanjaan dibayar ganti oleh majikan, ia tidak merupakan perbelanjaan yang boleh dituntut sebagai potongan dan juga tidak dikenakan cukai.

Amaun N4 dari Helaian Kerja HK-2.

**Elaun / perkuisit / pemberian / manfaat (yang diterima oleh pekerja daripada majikan / bagi pihak majikan) yang dikecualikan cukai mengikut pengumuman Bajet 2009 meliputi:**

**Rujukan:** *Ketetapan Umum No. 2/2013 (Perkuisit Daripada Penggajian); Ketetapan Umum No. 3/2013 (Manfaat Berupa Barangan); dan Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) [P.U.(A) 152/2009]*

	JENIS ELAUN / PERKUISIT / PEMBERIAN / MANFAAT	HAD PENGECEUALIAN (SETAHUN)
(i)	Perkuisit sama ada dalam bentuk tunai atau barangan berkaitan dengan penggajian pekerja berhubung dengan:- (a) pencapaian perkhidmatan lalu; (b) anugerah khidmat cemerlang, anugerah inovasi atau anugerah produktiviti; atau (c) perkhidmatan lama dengan syarat pekerja tersebut telah berkhidmat lebih daripada 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat yang sama. (Perenggan 25c Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967)	Terhad kepada RM2,000
(ii)	Kad petrol, elaun petrol atau elaun perjalanan atau kad tol atau gabungannya atas urusan rasmi. Sekiranya amaun yang diterima melebihi RM6,000 setahun, pekerja boleh membuat potongan selanjutnya bagi amaun yang dibelanjakan untuk tugas rasmi. Rekod berkaitan dengan potongan selanjutnya dan amaun yang dikecualikan hendaklah disimpan untuk tempoh tujuh tahun bagi tujuan audit.	Terhad kepada RM6,000
(iii)	Elaun penjagaan anak bagi anak yang berumur <b>12 tahun dan ke bawah.</b>	Terhad kepada RM2,400
(iv)	Pemberian telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui atau pembantu digital peribadi (PDA) termasuk kos pendaftaran dan pemasangan yang didaftar atas nama pekerja atau majikan.	Terhad kepada <u>satu unit</u> bagi setiap aset
(v)	Bil bulanan yang dibayar oleh majikan bagi telefon talian tetap, telefon bimbit, alat kelui, PDA atau langganan jalur lebar termasuk kos pendaftaran dan kos pemasangan yang didaftar atas nama pekerja atau majikan.	Terhad kepada <u>satu talian</u> bagi setiap kategori aset

(vi)	Barangan yang merupakan produk boleh guna perniagaan majikan yang diberi secara percuma (diskaun penuh) atau diberi pada harga diskaun sebahagiannya (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Nilai barangan adalah berdasarkan harga jualan. Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah <b>tidak dikecualikan cukai</b> .	Terhad kepada RM1,000
(vii)	Perkhidmatan majikan sendiri yang diberi secara percuma atau diberi pada harga diskaun (termasuk manfaat disediakan untuk pasangan dan anak yang belum berkahwin). Manfaat yang diterima daripada syarikat dalam kumpulan yang sama dengan majikannya adalah <b>tidak dikecualikan cukai</b> .	Terhad kepada amaun diskaun atau perkhidmatan percuma
(viii)	Fi letak kereta atau elaun letak kereta termasuk kadar letak kereta yang dibayar terus kepada pengusaha tempat letak kereta oleh majikan.	Terhad kepada amaun sebenar yang dibelanjakan
(ix)	Elaun makan yang diterima <b>secara tetap</b> , contohnya secara harian atau bulanan, yang diberi pada kadar yang sama kepada semua pekerja. Elaun makan untuk kerja lebih masa atau perjalanan luar kawasan / negara dalam melaksanakan pekerjaan sekiranya diberi berdasarkan kadar yang ditetapkan dalam pekeliling / edaran / arahan dalaman majikan yang dibuat secara bertulis.	
(x)	Manfaat perubatan yang dikecualikan cukai diperluaskan kepada perubatan tradisional dan materniti. Perubatan tradisional bermaksud Perubatan Tradisional Melayu / Cina / India yang diberikan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan badan yang diperakui atau didaftarkan mengikut peraturan yang mengawal perubatan tradisional seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Contoh: urutan tradisional Melayu, <i>ayurvedic</i> dan akupunktur. Perubatan komplementari dan homeopati tidak termasuk dalam pengecualian ini.	
(xi)	Subsidi faedah pinjaman perumahan, pelajaran atau kenderaan dikecualikan sepenuhnya jika jumlah pinjaman yang diambil secara agregat tidak melebihi RM300,000. Jika amaun pinjaman melebihi RM300,000, amaun subsidi faedah adalah terhad mengikut formula seperti berikut: $A \times \frac{B}{C}$ Di mana; A = perbezaan antara amaun faedah yang perlu ditanggung oleh pekerja dengan amaun faedah yang kena bayar oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran; B = jumlah agregat baki amaun prinsipal pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran atau RM300,000 yang mana lebih rendah; C = ialah jumlah agregat amaun prinsipal bagi pinjaman perumahan, pelajaran dan kenderaan yang diambil oleh pekerja.	

#### **PENGEQUALIAN CUKAI DI ATAS TIDAK TERPAKAI JIKA PEKERJA MEMPUNYAI KAWALAN KE ATAS MAJIKANNYA**

Sekiranya pekerja mempunyai kawalan ke atas majikannya, elaun / perkuisit / pemberian / manfaat yang diterima oleh pekerja itu adalah dikenakan cukai dan merupakan sebahagian daripada pendapatan kasar pengajiannya.

'Kawalan ke atas majikan' bermaksud :

- bagi suatu syarikat, kuasa seseorang pekerja itu untuk menjamin, melalui pemegangan saham atau pemilikan kuasa mengundi dalam atau berkenaan syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, atau atas sebab apa-apa kuasa yang diberikan melalui perkara-perkara persatuan atau apa-apa dokumen lain yang mengawal selia syarikat itu atau mana-mana syarikat lain, bahawa urusan syarikat yang pertama disebut itu dijalankan menurut kehendak pekerja itu;
- bagi suatu perkongsian, pekerja itu merupakan rakan kongsi majikan itu; atau
- bagi pemilik tunggal, pekerja dan majikan itu adalah orang yang sama.

#### **Lain-Lain Manfaat Berupa Barangan Yang Dikecualikan Cukai**

Sila rujuk senarai manfaat berupa barangan yang dikecualikan cukai di Lampiran B3.

**Ganjaran** (Rujukan: *Ketetapan Umum No. 9/2016*)

Ganjaran merupakan sejumlah wang yang diterima semasa persaraan / tamat kontrak dan dianggap sebagai hadiah untuk perkhidmatan yang lalu. Rujuk Helaian Kerja HK-2.2 dan Lampiran untuk pengiraan.

1. Ganjaran berikut dikecualikan dari cukai pendapatan:

i) **Ganjaran persaraan**

- (a) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa persaraan daripada penggajian itu disebabkan gangguan kesihatan; atau
- (b) Persaraan itu berlaku pada atau selepas seseorang itu mencapai umur 55 tahun atau mencapai umur wajib bersara dari penggajiannya dan telah berkhidmat berturutan selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat di dalam kumpulan yang sama; atau
- (c) Persaraan itu berlaku apabila mencapai umur wajib bersara di bawah satu kontrak penggajian atau perjanjian kolektif pada umur 50 tahun tetapi sebelum 55 tahun dan telah berkhidmat selama 10 tahun dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

ii) **Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam** - Ganjaran yang dibayar kepada pekerja dari kumpulan wang awam apabila bersara daripada penggajian di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

iii) **Ganjaran yang dibayar kepada pegawai kontrak** - Ganjaran yang dibayar daripada kumpulan wang awam kepada pegawai kontrak apabila tamat kontrak penggajiannya tidak kira sama ada kontraknya diperbaharui ataupun tidak.

iv) **Ganjaran kematian** - Wang yang diterima sebagai ganjaran kematian.

2. **Pengecualian sebahagian atas ganjaran**

Mulai tahun taksiran 2016, seseorang pekerja yang menerima wang sebagai ganjaran:

i) apabila bersara daripada suatu penggajian; atau

ii) atas pemberhentian suatu kontrak penggajian

selain daripada ganjaran yang layak pengecualian di bawah perenggan 1 di atas, adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM1,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan**. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan pengecualian sebahagian, tempoh penggajian dengan syarikat-syarikat lain dalam kumpulan yang sama **TIDAK DIANGGAP** sebagai tempoh penggajian dengan majikan yang sama.

**Elaun Cukai** - Cukai pendapatan seseorang pekerja yang ditanggung oleh majikannya adalah Elaun Cukai yang dikenakan cukai di bawah peruntukan perenggan 13(1)(a) ACP 1967. Sila rujuk Helaian Kerja HK-2.3 dan Lampiran B2, serta *Ketetapan Umum No. 11/2016* untuk pengiraan.

**Manfaat Berupa Barangan (MBB)** - Nilai tahunan manfaat berupa barangan yang disediakan oleh majikan seperti kereta, minyak, pemandu, kelengkapan rumah, telefon bimbit, hiburan dan kelab rekreasi. Rujuk Helaian Kerja HK-2.4 dan Lampiran B3, serta *Ketetapan Umum No.3/2013* untuk pengiraan.

**Nilai Tempat Kediaman** - Nilai tempat kediaman yang disediakan oleh majikan di Malaysia. Rujuk Helaian Kerja HK-2.5 dan Lampiran B4, serta *Ketetapan Umum No. 3/2005 (Asal dan Tambahan)* untuk pengiraan.

**Bayaran Balik Daripada Skim Pencen Yang Tidak Diluluskan** - Amaun yang dicarum oleh majikan kepada tabung pencen atau kewangan yang tidak diluluskan yang diterima oleh pekerja sebelum atau selepas tamat penggajian. Rujuk Helaian Kerja HK-2.6 untuk pengiraan.

**Pampasan** Bayaran yang dibuat oleh majikan kepada pekerja disebabkan kehilangan pekerjaan atau sebab-sebab lain. Rujuk Helaian Kerja HK-2.7 dan Lampiran B5, serta *Ketetapan Umum No. 1/2012* untuk pengiraan.

Pengecualian penuh atau sebahagian atas pampasan disebabkan kehilangan pekerjaan:

- (i) **Pengecualian penuh** – Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa bayaran dilakukan kerana kehilangan pekerjaan disebabkan gangguan kesihatan; atau
- (ii) **Pengecualian sebahagian** – Bagi pemberhentian kerja pada atau selepas **1 Julai 2008**, pampasan selain daripada perenggan (i) di atas adalah layak mendapat pengecualian sebanyak **RM10,000 bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan** dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama.

**Yuran Kepada Badan Profesional** - Yuran kepada badan profesional berhubung keahlian untuk mengekalkan kedudukan profesion berkaitan dan menjalankan pekerjaan dibenarkan sebagai tolakan. Misalnya bayaran profesion perubatan atau guaman.

B2	SEWA	Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain. Amaun D dari Helaiian Kerja HK-4.												
B3	FAEDAH	<p>Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin daripada wang yang didepositkan dalam institusi berikut adalah dikecualikan cukai:</p> <p>(i) Bank atau syarikat kewangan yang dilesenkan atau yang disifatkan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan;</p> <p>(ii) Bank yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;</p> <p>(iii) Institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;</p> <p>(iv) Lembaga Tabung Haji yang ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995;</p> <p>(v) Malaysia Building Society Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016;</p> <p>(vi) Borneo Housing Finance Berhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; dan</p> <p>(vii) Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.</p>												
	DISKAUN	Pendapatan daripada urus niaga pendiskaunan yang melibatkan bil perbendaharaan, bil pertukaran atau nota janji hutang.												
	ROYALTI	<p>Penerimaan dari penggunaan hak cipta / paten yang melebihi had pengecualian seperti berikut dikenakan cukai:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Jenis Royalti</th> <th>Pengecualian (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td>Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita/cakera</td> <td>10,000</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td>Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya Kesusasteraan</td> <td>12,000</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik</td> <td>20,000</td> </tr> </tbody> </table> <p>Amaun H dari Helaiian Kerja HK-5.</p>	Bil	Jenis Royalti	Pengecualian (RM)	(i)	Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita/cakera	10,000	(ii)	Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya Kesusasteraan	12,000	(iii)	Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik	20,000
Bil	Jenis Royalti	Pengecualian (RM)												
(i)	Penerimaan dari penerbitan hasil seni / rakaman pita/cakera	10,000												
(ii)	Penerimaan hasil penterjemahan buku / karya Kesusasteraan	12,000												
(iii)	Penerimaan hasil penerbitan karya kesusasteraan / lukisan asli / penggubahan muzik	20,000												
	PENCEN	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pencen yang diterima dari Malaysia dikecualikan cukai jika bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran, adalah dikecualikan cukai.</li> <li>Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.</li> </ul>												

	ANUITI	Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selama-lamanya atau sesuatu tempoh.	
	BAYARAN BERKALA LAIN	Bayaran yang dibuat berulang kali pada masa-masa tertentu.	
	APA-APA PEROLEHAN ATAU KEUNTUNGAN LAIN	Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha / pekerjaan sampingan atau sambilan.	
B5	DERMA / HADIAH / SUMBANGAN YANG DILULUSKAN		
<p><b>Hadiah Wang Kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan</b> Subseksyen 44(6) ACP 1967.</p>			
<p><b>Hadiah Wang Kepada Institusi / Organisasi / Tabung Yang Diluluskan</b> Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Subseksyen 44(6) dan proviso, ACP 1967.</p> <p><b>Hadiah Wang Bagi Aktiviti Sukan Yang Diluluskan Oleh Menteri Kewangan</b> Subseksyen 44(11B) dan proviso, ACP 1967.</p> <p><b>Hadiah Wang Atau Kos Sumbangan Manfaat Bagi Projek Berkepentingan Negara Yang Diluluskan Oleh Menteri Kewangan</b> Subseksyen 44(11c) dan proviso, ACP 1967.</p>		<p>Terhad kepada 7% daripada pendapatan agregat di ruang B4</p>	
<p><b>Hadiah Artifak, Manuskrip Atau Lukisan</b> Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Muzium Malaysia atau Ketua Pengarah Arkib Negara. Subseksyen 44(6A) ACP 1967.</p> <p><b>Hadiah Wang Untuk Kemudahan Perpustakaan Atau Kepada Perpustakaan</b> Sumbangan wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam, perpustakaan sekolah / institusi pendidikan tinggi. Subseksyen 44(8) ACP 1967.</p> <p><b>Hadiah Wang Atau Sumbangan Manfaat Bagi Menyediakan Kemudahan Di Tempat Awam Untuk Orang Yang Kurang Upaya</b> Hadiah wang atau sumbangan manfaat berupa barangan yang diberikan oleh individu bagi menyediakan kemudahan di tempat awam untuk manfaat orang yang kurang upaya berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Subseksyen 44(9) ACP 1967.</p> <p><b>Hadiah Wang Atau Kos Peralatan Perubatan Kepada Mana-Mana Badan Rawatan Kesihatan</b> Hadiah wang atau kos peralatan perubatan tidak melebihi RM20,000 yang diberikan kepada mana-mana badan rawatan kesihatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Subseksyen 44(10) ACP 1967.</p> <p><b>Hadiah Lukisan Kepada Balai Seni Lukis Negara Atau Balai Seni Lukis Negeri</b> Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau mana-mana balai seni lukis negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri. Subseksyen 44(11) ACP 1967.</p>			



B7	JUMLAH PENDAPATAN YANG DIPINDAHKAN DARI SUAMI / ISTERI * BAGI TAKSIRAN BERSAMA  * JENIS PENDAPATAN SUAMI / ISTERI YANG DIPINDAHKAN	<b>RUANG B7 DAN B8 HANYA PERLU DIISI OLEH INDIVIDU DI MANA TAKSIRAN BERSAMA DIKELUARKAN ATAS NAMANYA.</b> Pindahkan jumlah pendapatan suami / isteri yang ingin disatukan bersama jumlah pendapatan individu ke ruang ini. <b>Nota:</b> Isi '1' jika pendapatan suami / isteri yang dipindahkan terdapat punca pendapatan perniagaan atau '2' jika tiada.  Ruang B7 dan B8 <b>TIDAK PERLU</b> diisi jika: (i) status individu adalah bujang / janda / duda (ii) suami / isteri tiada pendapatan, tiada punca pendapatan atau mempunyai pendapatan dikecualikan cukai (iii) memilih taksiran berasingan (iv) memilih taksiran bersama dan taksiran dikeluarkan atas <b>nama suami / isterinya</b>																											
B9	JUMLAH PELEPASAN	Pindahkan amaun dari F19.																											
B10	PENDAPATAN BERCUKAI	Amaun (B6 tolak B9) atau (B8 tolak B9).																											
B11	<b>PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN</b>																												
B11a	Cukai ke atas yang pertama	Sesuaikan amaun di B10 (pendapatan bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan di dalam jadual cukai (muka surat 18 nota penerangan ini).  <i>Contoh:</i> Pendapatan bercukai di <b>B10</b> : <b>RM45,500</b> Guna pengiraan di <b>kategori D</b> jadual cukai seperti berikut: Cukai ke atas <b>RM35,000</b> yang pertama <b>RM 900.00</b> Cukai ke atas baki <b>RM10,500 @ 10%</b> <b>RM1,050.00</b> Jumlah cukai pendapatan <b>RM1,950.00</b>  Masukkan di ruang B11a, B11b dan B12 dalam Borang BE seperti berikut:																											
B11b	Cukai ke atas baki																												
B12	Jumlah Cukai Pendapatan																												
	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 30%;">B11a Cukai ke atas yang pertama</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">35,000</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">.00</td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%;">B11a</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">900</td> <td style="width: 10%; text-align: right;">.00</td> </tr> <tr> <td>B11b Cukai ke atas baki</td> <td style="text-align: right;">10,500</td> <td style="text-align: right;">.00</td> <td style="text-align: center;">Atas Kadar (%)</td> <td style="text-align: center;">10</td> <td></td> <td>B11b</td> <td style="text-align: right;">1,050</td> <td style="text-align: right;">.00</td> </tr> <tr> <td>B12 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( B11a + B11b )</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> <td>B12</td> <td style="text-align: right;">1,950</td> <td style="text-align: right;">.00</td> </tr> </table>		B11a Cukai ke atas yang pertama	35,000	.00				B11a	900	.00	B11b Cukai ke atas baki	10,500	.00	Atas Kadar (%)	10		B11b	1,050	.00	B12 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( B11a + B11b )						B12	1,950	.00
B11a Cukai ke atas yang pertama	35,000	.00				B11a	900	.00																					
B11b Cukai ke atas baki	10,500	.00	Atas Kadar (%)	10		B11b	1,050	.00																					
B12 JUMLAH CUKAI PENDAPATAN ( B11a + B11b )						B12	1,950	.00																					
B13	<b>JUMLAH REBAT</b>																												
SENDIRI		Rebat cukai individu adalah sebanyak <b>RM400</b> bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000. Perenggan 6A(2)(a) ACP 1967.																											
SUAMI / ISTERI		Rebat cukai suami / isteri adalah sebanyak <b>RM400</b> bagi pendapatan bercukai yang tidak melebihi RM35,000 dan telah dibenarkan pelepasan suami / isteri sebanyak RM4,000. Perenggan 6A(2)(b) / Perenggan 6A(2)(c) ACP 1967.																											
ZAKAT DAN FITRAH		Bayaran zakat dan fitrah yang dibuat dalam tahun asas. Subseksyen 6A(3) ACP 1967.																											

B15	TOLAKAN CUKAI SEKSYEN 110 (LAIN-LAIN)	Sila buat pengiraan di Helaian Kerja HK-6 untuk tolakan cukai seksyen 110 ke atas lain-lain pendapatan seperti faedah, royalti, pendapatan seksyen 4A dan pendapatan daripada amanah. Tolakan cukai di Seksyen 110 (lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah Seksyen 107A. Sertakan Helaian Kerja HK-6 sekiranya tuan layak menuntut pembayaran balik. Amaun B dari Helaian Kerja HK-6.
	PELEPASAN CUKAI SEKSYEN 132	Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang telah memeterai perjanjian pengelakan pencucuaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia. Rujuk Lampiran F untuk senarai negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-8 untuk membuat pengiraan kredit.
	PELEPASAN CUKAI SEKSYEN 133	Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang TIDAK memeterai perjanjian pengelakan pencucuaian dua kali (PPPDK) dengan Malaysia. Rujuk Jadual 7 ACP 1967 dan Helaian Kerja HK-9 untuk membuat pengiraan kredit.
B16	CUKAI KENA DIBAYAR	Amaun B14 tolak B15. Jika jumlah B15 melebihi B14, isikan '0' di ruang ini.
B17	CUKAI DIBAYAR BALIK	Amaun B15 tolak B14.
B18	ANSURAN / POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB) YANG TELAH DIBAYAR UNTUK PENDAPATAN TAHUN 2017 – SENDIRI DAN SUAMI / ISTERI BAGI TAKSIRAN BERSAMA	Potongan Cukai Bulanan (PCB) yang dibuat oleh majikan dalam tahun 2017 ke atas pendapatan berikut hendaklah dimasukkan dalam ruang ini: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendapatan tahun 2017;</li> <li>- Pendapatan penggajian bagi tahun-tahun kebelakangan (termasuk bonus, fi pengarah, tunggakan dan lain-lain) yang dibayar dalam tahun 2017; dan</li> <li>- Pendapatan penggajian tahun lain yang dibayar secara pendahuluan dalam tahun 2017.</li> </ul> <p>Contoh: Gaji bulan Januari 2018 dibayar pada bulan Disember 2017 dan PCB dibayar pada atau sebelum 15 Januari 2018.</p> <p>Ini <b>tidak termasuk</b> bayaran tunggakan cukai bagi tahun taksiran kebelakangan.</p> <p>Guna Helaian Kerja HK-10 untuk membuat pengiraan. Pindahkan amaun E dari Helaian Kerja HK-10 ke ruang ini.</p> <p>Bagi Taksiran Bersama - Jumlahkan bayaran ansuran / PCB yang telah dibayar oleh suami / isteri dan masukkan ke dalam ruang ini.</p>
B19	BAKI CUKAI KENA DIBAYAR	Amaun B16 tolak B18. Jelaskan baki ini dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran boleh dibuat di: <p>(a) Bank - kaunter CIMB Bank Berhad (CIMB), Public Bank Berhad (PBB), Malayan Banking Berhad (Maybank), Affin Bank Berhad (ABB), RHB Bank (RHB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat dengan menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh</p>

		<p>bank.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, Hong Leong Bank, RHB &amp; Alliance Bank, Perbankan Mudah Alih-i TAP Bank Islam dan perbankan telefon Maybank.</li> <li>- <i>Auto Teller Machine</i> (ATM) PBB, Maybank &amp; CIMB, Mesin Deposit Cek PBB dan Mesin Deposit Tunai CIMB.</li> </ul> <p>(b) LHDNM - <b>ByrHASiL</b> melalui FPX (<i>Financial Process Exchange</i>) di Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- <b>ByrHASiL</b> melalui kad kredit Visa, Mastercard &amp; American Express di <a href="https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard">https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard</a></li> <li>- kaunter bayaran LHDNM atau melalui pos dengan menggunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP501) yang boleh diperoleh di Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a></li> </ul> <p>(c) Pos Malaysia Berhad - Kaunter dan Pos Online.</p>
	CUKAI TERLEBIH BAYAR	<p>Amaun B18 tolak B16.</p> <p>Tandakan 'X' dalam kotak yang disediakan jika Cukai TerlebiH Bayar.</p>

#### AKUAN

Borang nyata yang tidak ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses, dan Surat Pemberitahuan Borang Nyata Tidak Lengkap akan dikeluarkan kepada tuan sebagai makluman. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengemukakan semula borang nyata kepada LHDNM.

#### BAHAGIAN C

#### MAKLUMAT SUAMI / ISTERI

C1 – C4 Isikan maklumat yang berkenaan sahaja. Sekiranya tuan mempunyai lebih daripada seorang isteri, sila berikan maklumat isteri-isteri tuan yang lain di lampiran tambahan mengikut format C1 hingga C4 dan kemukakan bersama Borang BE.

#### BAHAGIAN D

#### MAKLUMAT LAIN

D1	NO. TELEFON	Nombor telefon pejabat / firma ejen cukai / rumah. Sila pastikan maklumat ini adalah betul dan tepat. Maklumat ini akan digunakan untuk tujuan rasmi LDHNM.
	NO. TELEFON BIMBIT	<p>Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja.</p> <p><b>Nota:</b> Salah satu ruangan sama ada No. Telefon Bimbit (D1) atau e-Mel (D2) wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing.</p>
D2	e-MEL	<p>Pastikan maklumat ini adalah betul. Maklumat ini hanya untuk kegunaan rasmi LHDNM sahaja.</p> <p><b>Nota:</b> Salah satu ruangan sama ada e-Mel (D2) atau No. Telefon Bimbit (D1) wajib diisi semasa pengemukaan secara e-Filing.</p>

D3 & D4	NAMA BANK & NO. AKAUN BANK	Untuk tujuan pembayaran balik kredit (jika ada) oleh LHDNM, nyatakan nama bank dan nombor akaun di bank yang berkenaan.
D5	NO. MAJIKAN	Isikan nombor rujukan E majikan.
D6a	MELUPUSKAN ASET DI BAWAH AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976	Merujuk kepada aset yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Isikan '1' untuk 'Ya' sekiranya ada melupuskan aset, dan isi juga ruang D6b. Isi '2' untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan.
D6b	MELAPORKAN PELUPUSAN TERSEBUT KEPADA LHDNM	Isikan ruang ini jika D6a = '1' ('Ya'). Isikan '1' ('Ya') jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM atau '2' ('Tidak') jika belum. Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, <a href="http://www.hasil.gov.my">http://www.hasil.gov.my</a>
<b>BAHAGIAN E</b>		<b>PENDAPATAN BUKAN PENGGAJIAN BAGI TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN</b>
E1 – E2	Pendapatan SELAIN daripada penggajian yang diterima berkenaan tahun / tahun-tahun terdahulu yang belum dilaporkan. Contoh: Pendapatan sewa atau faedah Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.	
<b>BAHAGIAN F</b>		<b>PELEPASAN</b>
<b>Bagi tuntutan pelepasan berhubung perbelanjaan yang termasuk bayaran Cukai Barang &amp; Perkhidmatan (CBP), potongan yang dibenarkan adalah TIDAK mengambil kira amaun CBP.</b>		
F1	INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN	Pelepasan diri berjumlah <b>RM9,000</b> untuk diri sendiri dan saudara tanggungan diberi secara automatik. Perenggan 46(1)(a) ACP 1967.
F2a	PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN, KEPERLUAN KHAS DAN PENJAGA IBU BAPA	Perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga ibu bapa dibenarkan sebagai potongan <b>terhad kepada RM5,000</b> . Perenggan 46(1)(c) ACP 1967. Perbelanjaan perubatan yang layak termasuk: (i) rawatan perubatan dan penjagaan yang diperuntukkan oleh rumah penjagaan; dan (ii) rawatan pergigian dihadkan kepada mencabut gigi, menampal gigi, membersihkan karang gigi tetapi tidak termasuk rawatan kosmetik. • Tuntutan mestilah disokong oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia yang mengesahkan bahawa keadaan kesihatan ibu bapa memerlukan rawatan perubatan atau keperluan khas atau penjaga. • Ibu bapa mestilah bermastautin di Malaysia. • Rawatan perubatan dan perkhidmatan penjaga disediakan dalam Malaysia. Dalam kes penjaga, mestilah dibuktikan dengan perakuan bertulis, resit atau salinan permit kerja penjaga. 'Penjaga' tidak termasuk individu, suami / isteri atau anak individu berkenaan.

F2b	IBU DAN BAPA	<p>Pelepasan ini berkuat kuasa <b>mulai tahun taksiran 2016 sehingga tahun taksiran 2020</b>.</p> <p>Syarat-syarat tuntutan:</p> <p>(i) Individu yang LAYAK menuntut pelepasan ini adalah <b>anak kandung atau anak angkat yang sah di bawah undang-undang. Tuntutan pelepasan ini TIDAK dibenarkan ke atas ibu bapa tiri.</b></p> <p>(ii) Individu TIDAK menuntut pelepasan di ruang F2a bagi perbelanjaan rawatan perubatan, keperluan khas dan penjaga untuk ibu bapa bagi tahun yang sama.</p> <p>(iii) Pelepasan yang dibenarkan adalah <b>RM1,500 bagi hanya seorang ibu dan RM1,500 bagi hanya seorang bapa.</b> Jika lebih daripada seorang individu menuntut pelepasan ini, amaun pelepasan tersebut perlu dibahagi sama rata mengikut bilangan individu yang menuntut berhubung ibu atau bapa yang sama.</p> <p>(iv) Ibu dan / atau bapa berumur 60 tahun dan ke atas pada bila-bila masa dalam tahun berkenaan, dan bermastautin di Malaysia.</p> <p>(v) Pendapatan tahunan ibu atau bapa TIDAK melebihi RM24,000 seorang bagi tahun taksiran berkenaan.</p> <p>Jika lebih daripada seorang individu menuntut pelepasan ini, Helaian Kerja HK-15 Buku Panduan Borang BE perlu dilengkapkan dan disimpan untuk rujukan / semakan oleh LHDNM, apabila diperlukan kelak.</p> <p>Perenggan 46(1)(o) ACP 1967.</p>
F3	PERALATAN SOKONGAN ASAS	<p>Pembelian alat sokongan asas untuk kegunaan sendiri, suami / isteri, anak atau ibu bapa yang kurang upaya dibenarkan sebagai potongan <b>terhad kepada RM6,000</b>. Alat sokongan asas termasuk mesin hemodialisis, kerusi roda, kaki palsu dan alat pendengaran tetapi tidak termasuk cermin dan kanta mata. Perenggan 46(1)(d) ACP 1967.</p>
F4	INDIVIDU YANG KURANG UPAYA	<p>Pelepasan tambahan <b>RM6,000</b> diberi kepada individu yang kurang upaya. Perenggan 46(1)(e) ACP 1967.</p>
F5	YURAN PENDIDIKAN (SENDIRI)	<p>Bayaran yuran tahunan <b>terhad kepada RM7,000</b> dibenarkan sebagai potongan untuk kursus pembelajaran di institusi atau badan profesional di Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau diluluskan oleh Menteri Kewangan bagi maksud meningkatkan kemahiran atau kelayakan:</p> <p>(i) sehingga ke peringkat tertiar (selain Sarjana dan Doktor Falsafah) – dalam bidang undang-undang, perakaunan, kewangan Islam, teknikal, vokasional, industri, saintifik atau teknologi; atau</p> <p>(ii) peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah – sebarang bidang atau kursus pengajian</p> <p>Perenggan 46(1)(f) ACP 1967.</p>
F6	PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PENYAKIT YANG SUKAR DIUBATI	<p>Perbelanjaan perubatan bagi penyakit yang sukar diubati termasuk rawatan dibuat ke atas penyakit seperti sindrom kurang daya tahan (AIDS), sindrom Parkinson, barah, penyakit buah pinggang, leukemia dan lain-lain penyakit yang serupa yang lain. 'Lain-lain penyakit yang serupa' termasuk serangan jantung, pulmonari hypertension, penyakit hati kronik, fulminant viral hepatitis, trauma kepala dengan defisit neurologikal, ketumbuhan otak dan kecacatan kepada pembuluh darah, melepuh dan melecur yang keterlaluan, pemindahan organ, pemotongan kaki dan / atau tangan. Perbelanjaan ini <b>dihadkan kepada RM6,000</b> untuk diri sendiri,</p>

		suami / isteri atau anak tetapi jumlah pelepasan untuk <b>F6 dan F7 adalah terhad kepada RM6,000.</b> Perenggan 46(1)(g) ACP 1967.	
F7	PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH	Pemeriksaan perubatan penuh bermaksud pemeriksaan secara menyeluruh dibenarkan sebagai potongan <b>terhad kepada RM500</b> untuk diri sendiri, suami / isteri atau anak tetapi jumlah pelepasan untuk <b>F6 dan F7 adalah terhad kepada RM6,000.</b> Perenggan 46(1)(h) ACP 1967.	
F8	GAYA HIDUP		} <b>Terhad kepada RM2,500</b>
F8 (i)	PEMBELIAN BUKU / JURNAL / MAJALAH / SURAT KHABAR BERCETAK / LAIN-LAIN PENERBITAN SEUMPAMANYA	Perbelanjaan bagi pembelian buku, jurnal, majalah, surat khabar bercetak dan lain-lain penerbitan seumpamanya (dalam bentuk <i>hardcopy</i> atau elektronik tetapi <b>TIDAK termasuk bahan bacaan yang terlarang</b> ) untuk kegunaan diri sendiri, suami / isteri atau anak dibenarkan sebagai potongan. Subperenggan 46(1)(p)(i) ACP 1967.	
F8(ii)	PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR ATAU TABLET	Perbelanjaan bagi pembelian komputer peribadi, telefon pintar ( <i>smartphone</i> ) atau <i>tablet</i> untuk kegunaan diri sendiri, suami / isteri atau anak, dan <b>BUKAN digunakan untuk tujuan perniagaan.</b> Subperenggan 46(1)(p)(ii) ACP 1967.	
F8(iii)	PEMBELIAN PERALATAN SUKAN UNTUK AKTIVITI SUKAN DAN BAYARAN KEAHLIAN GIMNASIUM	Perbelanjaan untuk kegunaan diri sendiri, suami / isteri atau anak bagi: (a) pembelian peralatan sukan untuk aktiviti sukan mengikut jenis sukan yang disenaraikan dalam Akta Pembangunan Sukan 1997. Peralatan sukan termasuk alat-alat yang mempunyai jangka hayat yang singkat seperti bola golf dan bulu tangkis tetapi <b>TIDAK TERMASUK basikal dua roda yang bermotor, pakaian sukan</b> contohnya pakaian renang dan kasut sukan; serta (b) bayaran untuk keahlian gimnasium. Subperenggan 46(1)(p)(iii) ACP 1967.	
F8(iv)	BAYARAN BIL BULANAN BAGI LANGGANAN INTERNET	Bayaran bil bulanan bagi <b>langganan internet yang didaftar atas nama sendiri</b> untuk kegunaan diri sendiri, suami / isteri atau anak. Subperenggan 46(1)(p)(iv) ACP 1967.	
F9	PEMBELIAN PERALATAN PENYUSUAN IBU	(a) Pelepasan ini diberikan khusus kepada <b>pembayar cukai wanita</b> : (i) yang mempunyai <b>pendapatan bercukai</b> ; dan (ii) telah melakukan perbelanjaan <b>membeli peralatan penyusuan ibu untuk kegunaan sendiri bagi menyusukan anaknya yang berumur 2 tahun dan ke bawah.</b> (b) <b>Peralatan penyusuan yang layak</b> adalah: (i) kit pam susu dan pek ais ( <i>breast pump kit</i> dan <i>ice pack</i> ); (ii) koleksi dan peralatan penyimpanan susu ibu ( <i>breast milk collection and storage equipment</i> ); serta (iii) set atau beg pendingin ( <i>cooler set / bag</i> ). (c) Potongan bagi pelepasan ini adalah <b>terhad kepada RM1,000</b>	

walaupun individu berkenaan mempunyai lebih daripada seorang anak.

(d) Potongan untuk pelepasan ini **hanya dibenarkan SEKALI bagi setiap dua (2) tahun taksiran.**

(e) Suami yang memilih taksiran bersama atas nama isteri mesti warganegara Malaysia, jika tidak bermastautin.

Perenggan 46(1)(q) ACP 1967 (mulai tahun taksiran 2017).

**Contoh 1: Taksiran Bersama Atas Nama Isteri**

Puan Arina telah melahirkan anak pada tahun 2017 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,700. Suaminya yang bukan pemastautin tetapi warganegara Malaysia telah memilih taksiran bersama atas nama isterinya.

Dalam keadaan ini, Puan Arina layak menuntut pelepasan ini tetapi terhad kepada RM1,000.

**Contoh 2: Taksiran Bersama Atas Nama Suami**

Puan Sally telah melahirkan anak pada tahun 2017 dan telah membeli peralatan penyusuan ibu berjumlah RM1,300. Puan Sally telah memilih taksiran bersama atas nama suaminya.

Bagi kes ini, tuntutan pelepasan tersebut tidak dibenarkan kerana peruntukan ini hanya terpakai bagi taksiran bersama atas nama isteri sahaja.

F10 BAYARAN YURAN PENGHANTARAN ANAK KE PUSAT ASUHAN KANAK-KANAK DAN PRASEKOLAH YANG BERDAFTAR

Pelepasan ini dibenarkan berhubung **yuran penghantaran anak \* yang berumur 6 tahun dan ke bawah** ke:

- **taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar** dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308); atau
- **tadika yang berdaftar** dengan Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Akta Pendidikan 1996 (Akta 550).

Pelepasan ini **terhad kepada RM1,000** walaupun bilangan anak yang memenuhi syarat-syarat tersebut melebihi satu. Sekiranya tuntutan kurang daripada RM1,000, amaun potongan yang dibenarkan adalah **terhad kepada amaun yang dibayar** sahaja.

Pelepasan atas anak yang sama **hanya** boleh dituntut sama ada oleh:

- individu atau suami / isterinya yang memilih taksiran berasingan; atau
- individu atau bekas suami / isterinya.

Perenggan 46(1)(r) ACP 1967 (mulai tahun taksiran 2017).

Contoh 1:

Encik Hassan dan isteri mempunyai seorang anak berumur 3 tahun yang dihantar ke taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar.

	Amaun Dibelanjakan	Taksiran Berasingan	Taksiran Bersama
Suami	RM90 x 12 bulan = RM1,080	Terhad kepada RM1,000 jika suami menuntut.	Terhad kepada RM1,000
Isteri	RM60 x 12 bulan = RM720	Terhad kepada RM720 sekiranya isteri menuntut. <b>Nota:</b> Baki RM280 TIDAK dibenarkan sebagai potongan untuk suami kerana isteri telah menuntut pelepasan ini ke atas anak yang sama.	

Contoh 2:

Encik Ali dan isteri mempunyai seorang anak berumur 4 tahun yang dihantar ke tadika yang berdaftar.

	Amaun Dibelanjakan	Taksiran Berasingan	Taksiran Bersama
Suami	RM75 x 12 bulan = RM900	Terhad kepada RM900 jika suami menuntut.	Terhad kepada RM1,000 [subseksyen 46(3) ACP 1967 terpakai]
Isteri	RM55 x 12 bulan = RM660	Terhad kepada RM660 sekiranya isteri menuntut.	

F11	TABUNGAN BERSIH DALAM SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)	<p>Pelepasan ini berkuat kuasa <b>mulai tahun taksiran 2012 sehingga tahun taksiran 2020</b>.</p> <p>Simpanan ke dalam tabung SSPN oleh seseorang individu untuk membiayai pelajaran anak-anak dibenarkan sebagai potongan yang <b>terhad kepada RM6,000</b>. Potongan yang dituntut adalah terhad kepada amaun tabungan bersih yang dilakukan di dalam sesuatu tahun sahaja.</p> <p>Contoh: Dalam tahun 2017, Baki Bawa Hadapan: RM4,500; Simpanan : RM2,000; dan Pengeluaran : RM1,500.</p> <p>Potongan yang layak dituntut adalah <b>RM500</b> (RM2,000 – RM1,500). Baki Bawa Hadapan sebanyak RM4,500 tidak diambil kira.</p> <p>Perenggan 46(1)(k) ACP 1967.</p>
F12	SUAMI / ISTERI / BAYARAN ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI	<p><input type="checkbox"/> Pelepasan suami diberi sebanyak <b>RM4,000</b> bagi suami yang tiada punca pendapatan / tiada jumlah pendapatan; atau suami memilih taksiran bersama. Subseksyen 45A(1) ACP 1967. <b>Mulai Tahun Taksiran 2017, pelepasan suami TIDAK dibenarkan jika suami (bukan suami kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia.</b> Subseksyen 45A(2) ACP 1967.</p> <p><input type="checkbox"/> Pelepasan isteri diberi sebanyak <b>RM4,000</b> bagi isteri yang tinggal bersama dalam tahun asas, isteri tiada punca pendapatan / jumlah pendapatan; atau isteri memilih taksiran bersama. Perenggan 47(1)(a) ACP 1967. <b>Mulai Tahun Taksiran 2017, pelepasan isteri TIDAK dibenarkan jika isteri (bukan isteri kurang upaya) menerima pendapatan kasar yang melebihi RM4,000 daripada punca luar Malaysia. Subseksyen 47(6) ACP 1967.</b></p> <p><input type="checkbox"/> Bayaran nafkah kepada bekas isteri layak untuk pelepasan tetapi jumlah pelepasan untuk isteri dan bayaran alimoni kepada bekas isteri adalah terhad kepada <b>RM4,000</b>. Bayaran nafkah secara sukarela kepada bekas isteri di bawah perjanjian bersama tanpa sebarang perjanjian rasmi tidak layak dituntut sebagai potongan. Subseksyen 47(2) dan 47(3) ACP 1967.</p>
F13	SUAMI / ISTERI YANG KURANG UPAYA	<p>Pelepasan tambahan sebanyak <b>RM3,500</b> diberi bagi suami / isteri yang kurang upaya. Perenggan 47(1)(b) dan seksyen 45A ACP 1967.</p>



F14	<p>ANAK</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan</li> <li>• Kelayakan 100%</li> <li>• Kelayakan 50%</li> </ul>	<p>Rujuk Helaian Kerja HK-13 Buku Panduan Borang BE.</p> <p><u>Bilangan</u> Isikan jumlah bilangan anak yang layak dituntut pelepasan sepenuhnya (Kelayakan 100%) atau sebahagiannya (Kelayakan 50%) oleh individu.</p> <p><u>Kelayakan 100%</u> Ruang ini untuk diisi oleh individu yang layak menuntut pelepasan anak sepenuhnya.</p> <p><u>Kelayakan 50%</u> Ruang ini hanya berkenaan jika dua atau lebih individu (bukan suami isteri yang tinggal bersama) layak menuntut potongan berhubung bayaran yang dibuat ke atas anak yang sama, dan setiap individu tersebut layak menuntut 50% daripada pelepasan yang dibenarkan sebagai potongan. Contohnya apabila berlaku perceraian dan terdapat dua atau lebih individu yang layak menuntut potongan ke atas anak yang sama.</p> <p>Bagi Taksiran Berasingan, individu dan suami / isteri perlu memilih pelepasan ke atas setiap anak yang ingin dituntut masing-masing. Contoh: Ali mempunyai lima (5) orang anak dan memilih taksiran berasingan. Bilangan anak yang boleh dituntut oleh Ali dan isteri sebagai pelepasan ialah:</p> <table border="1" data-bbox="568 958 1505 1104"> <thead> <tr> <th></th> <th>Ali</th> <th>Isteri</th> <th></th> <th>Ali</th> <th>Isteri</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>(i)</td> <td>5</td> <td>0</td> <td>(iv)</td> <td>2</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>(ii)</td> <td>4</td> <td>1</td> <td>(v)</td> <td>1</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>(iii)</td> <td>3</td> <td>2</td> <td>(vi)</td> <td>0</td> <td>5</td> </tr> </tbody> </table>		Ali	Isteri		Ali	Isteri	(i)	5	0	(iv)	2	3	(ii)	4	1	(v)	1	4	(iii)	3	2	(vi)	0	5
	Ali	Isteri		Ali	Isteri																					
(i)	5	0	(iv)	2	3																					
(ii)	4	1	(v)	1	4																					
(iii)	3	2	(vi)	0	5																					
F14a	ANAK - DI BAWAH UMUR 18 TAHUN	Pelepasan anak yang belum berkahwin dan berumur di bawah 18 tahun dalam tahun semasa adalah sebanyak <b>RM2,000</b> .																								
F14b	ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS YANG MASIH BELAJAR	<p>Pelepasan sebanyak <b>RM2,000</b> seorang dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas, serta menerima pendidikan sepenuh masa; ATAU Pelepasan sebanyak <b>RM8,000</b> dibenarkan jika anak belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas, serta mematuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Mengikuti kursus di peringkat diploma dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>dalam Malaysia</b> (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra-ijazah); atau</li> <li>(ii) Mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>luar Malaysia</b>; dan</li> <li>(iii) Kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.</li> </ul>																								

F14c	ANAK - KURANG UPAYA	<p>Pelepasan anak kurang upaya yang belum berkahwin dibenarkan sebanyak <b>RM6,000</b>.</p> <p>Pelepasan tambahan sebanyak <b>RM8,000</b> bagi anak yang kurang upaya yang belum berkahwin, berumur 18 tahun dan ke atas serta mematuhi syarat-syarat berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Mengikuti kursus di peringkat diploma ke atas di institusi pengajian tinggi <b>dalam Malaysia</b> (tidak termasuk kursus matrikulasi / pra-ijazah); atau</li> <li>(ii) Mengikuti kursus di peringkat ijazah dan ke atas di institusi pengajian tinggi <b>luar Malaysia</b>; dan</li> <li>(iii) Kursus dan institusi pengajian tinggi diiktiraf oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan.</li> </ul> <p>Individu layak mendapat pelepasan anak <b>RM14,000</b> sekiranya syarat-syarat di atas dipatuhi.</p>
F15	<p><b>INSURANS NYAWA DAN KWSP</b></p> <p>Rujuk Helaian Kerja HK-14 untuk pengiraan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li><input type="checkbox"/> Premium insurans yang dibayar atas polisi yang menjamin nyawa individu, suami atau isteri dibenarkan pelepasan cukai. Premium insurans atas nyawa anak tidak dibenarkan pelepasan.</li> <li><input type="checkbox"/> Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau kumpulan wang lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.</li> <li><input type="checkbox"/> Jumlah pelepasan bagi premium insurans nyawa dan caruman kepada KWSP atau kumpulan wang lain yang diluluskan adalah <b>terhad kepada RM6,000 untuk individu dan RM6,000 untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan</b>. Sekiranya suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b> premium insurans dan KWSP adalah <b>terhad kepada RM6,000</b>.</li> </ul> <p>Contoh: Premium insurans dibayar oleh suami RM300 dan isteri RM6,500.  Pembayar cukai memilih taksiran bersama.  Jumlah pelepasan dibenarkan adalah terhad kepada RM6,000 dan bukannya RM6,800.</p> <p>Di mana suami tidak mempunyai jumlah pendapatan dan isteri ditaksir berasingan sebagai individu, apa-apa perbelanjaan premium insurans oleh suami dianggap dibayar oleh isteri dan tuntutan pelepasan dibenarkan setakat jumlah terhad sahaja.</p> <p>Jika caruman kepada KWSP dibuat oleh suami dan suami tidak mempunyai jumlah pendapatan, pelepasan bagi caruman kepada KWSP tersebut tidak boleh dibenarkan sebagai potongan ke atas pendapatan isteri. Begitu juga sekiranya isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan.</p>	
F16	<p><b>SKIM PERSARAAN SWASTA DAN ANUITI TERTANGGUH ('DEFERRED ANNUITY')</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelepasan ini berkuat kuasa mulai <b>tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2021</b>.</li> <li>• Pelepasan <b>tidak melebihi RM3,000</b> dibenarkan bagi jumlah caruman yang dibuat kepada Skim Persaraan Swasta (SPS) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh.</li> <li>• Jumlah pelepasan bagi caruman kepada SPS dan bayaran premium untuk anuiti tertangguh adalah <b>terhad kepada RM3,000 untuk individu dan RM3,000 untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan</b>. Jika suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b>, pelepasan yang dibenarkan bagi jumlah caruman kepada SPS dan bayaran premium anuiti tertangguh adalah <b>terhad kepada RM3,000</b>.</li> <li>• Rujuk Helaian Kerja HK-14.</li> </ul>	

F17	INSURANS PENDIDIKAN DAN PERUBATAN	Pelepasan <b>tidak melebihi RM3,000</b> bagi premium insurans yang dibayar atas polisi pendidikan atau manfaat perubatan untuk individu, suami, isteri atau anak.  Pelepasan bagi jumlah bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah <b>terhad kepada RM3,000</b> untuk individu dan <b>RM3,000</b> untuk isteri yang mempunyai punca pendapatan. Jika suami atau isteri memilih <b>taksiran bersama</b> , jumlah pelepasan bagi bayaran premium insurans pendidikan dan premium insurans perubatan adalah terhad kepada <b>RM3,000</b> . Rujuk Helaian Kerja HK-14.
F18	CARUMAN KEPADA PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)	Pelepasan <b>tidak melebihi RM250</b> dibenarkan bagi sumbangan kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang dibuat atau ditanggung oleh individu. Rujuk Helaian Kerja HK-14.
F19	JUMLAH PELEPASAN	Jumlah amaun dari ruang F1 hingga F18. Pindahkan amaun ini ke ruang B9.
<b>BAHAGIAN G</b>		<b>MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI</b>
G1 - G4	<ul style="list-style-type: none"> <li>No. Kelulusan Ejen Cukai adalah nombor kelulusan yang diberikan kepada ejen cukai yang diluluskan di bawah subseksyen 153(3) ACP 1967.</li> <li>Bahagian ini perlu diisi dan ditandatangani oleh ejen / wakil cukai yang menyediakan borang nyata ini.</li> </ul>	

JADUAL CUKAI				
KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI (a)	PENGIRAAN RM (b)	KADAR % (c)	CUKAI RM (d)
A	0 - 5,000	5,000 pertama	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	5	150 750
D	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	10	900 1,500
E	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	16	2,400 3,200
F	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	21	5,600 6,300
G	100,001 - 250,000	100,000 pertama 150,000 berikutnya	24	11,900 36,000
H	250,001 - 400,000	250,000 pertama 150,000 berikutnya	24.5	47,900 36,750
I	400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	25	84,650 50,000
J	600,001 - 1,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya	26	134,650 104,000
K	Melebihi 1,000,000	1,000,000 pertama Setiap ringgit berikutnya	28	238,650 .....

**KOD NEGARA**

Sebahagian negara-negara yang dikenal pasti. Tuan boleh merujuk kepada Lampiran E untuk mendapatkan senarai lengkap.

<b>Nama Negara</b>	<b>Kod Negara</b>	<b>Nama Negara</b>	<b>Kod Negara</b>	<b>Nama Negara</b>	<b>Kod Negara</b>
Australia	AU	Iran (Islamic R.O.)	IR	Philippines	PH
Bangladesh	BD	Iraq	IQ	Saudi Arabia	SA
Brunei	BN	Japan	JP	Singapore	SG
Cambodia	KH	Korea, D.P.R.	KP	South Africa	ZA
Canada	CA	Korea, R.O.	KR	Sri Lanka	LK
China	CN	Laos, D.P.R.	LA	Taiwan	TW
Denmark	DK	<b>Malaysia</b>	<b>MY</b>	Thailand	TH
Hong Kong	HK	Myanmar	MM	United Kingdom	GB
India	IN	New Zealand	NZ	United States	US
Indonesia	ID	Pakistan	PK	Vietnam	VN

Nota: R.O. = Republic of;

D.P.R. = Democratic People's Republic of